

20/09/1998

Anwar pertikai pengakuan tertuduh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Anwar Ibrahim menafikan pernah meliwat bekas pengarang jurnal, Dr Munawar Ahmad Anees dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja yang mengaku bersalah melakukan perbuatan itu, di mahkamah sesyen di sini, semalam.

Anwar yang dipecat daripada Kabinet dua minggu lalu menyifatkan cara penahanan, penyiasatan dan tuduhan terhadap kedua-dua rakannya itu sebagai gaya Gestapo ala-Mahathir.

Beliau mendakwa tuduhan dirinya melakukan liwat itu sekali gus membuktikan bahawa wujud konspirasi tertinggi membabitkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil menyifatkan tuduhan di mahkamah semalam sebagai fitnah dan pakatan jahat, beliau berkata ia akan menguatkan lagi semangatnya untuk melakukan gerakan reformasi.

"Harus saya jelaskan ini fitnah, muncul daripada pakatan khianat yang mahu memusnahkan pengaruh politik saya.

"Saya tidak berdosa, saya tidak terlibat, walaupun orang dipaksa supaya membuat tuduhan dan kenyataan," katanya pada sidang akhbar yang turut ditemani isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, di rumahnya di sini, semalam.

Sukma dan Dr Munawar, masing-masing dihukum penjara enam bulan selepas mengaku salah membenarkan bekas Timbalan Perdana Menteri itu meliwat mereka.

Mereka mengaku bersalah secara berasingan di dua mahkamah sesyen di sini, atas tuduhan membenarkan Anwar memasukkan zakarnya ke dalam dubur mereka.

Sukma, 37, dan masih bujang, dituduh melakukan hubungan seks di luar aturan tabii itu di kediaman rasmi Timbalan Perdana Menteri di No 47, Jalan Damansara di sini, pada satu malam April tahun ini.

Dr Munawar, 51, sudah beristeri dan mempunyai dua anak, pula didakwa melakukan perbuatan yang serupa di rumah persendirian Anwar, di No 8 Jalan Setiamurni 1, Bukit Damansara, pada satu malam Mac 1993.

Kedua-dua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 377D Kanun Keseksaan, yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun.

Sebelum ini, Anwar menuduh polis yang menahan rakan dan kakitangannya sebagai taktik ejen Mossad - ejen perisikan Israel yang terkenal dengan kebolehan mengumpul maklumat untuk menghapuskan musuh negara.

Pada sidang akhbar yang penuh sesak, termasuk wartawan asing itu, Anwar berkata beliau tidak menyalahkan Sukma dan Dr Munawar yang membuat pengakuan di mahkamah.

Katanya, Sukma dan Dr Munawar telah diugut dan dipaksa supaya membuat kenyataan itu.

"Saya faham mereka dalam keadaan jiwa yang tertekan serta menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang membawa hukuman gantung.

"Dia takut hukum gantung dan dengan mengaku salah, mereka dihukum penjara enam bulan saja. Antara hukum gantung dan penjara enam bulan, tentulah dia pilih enam bulan. Ini cara mereka," katanya.

Anwar juga mendakwa Dr Mahathir menggunakan ISA untuk 'membunuh' musuh politik beliau dan bukannya untuk menjaga keamanan negara.

"Yang mampu beliau (Dr Mahathir) gunakan ialah beberapa kerat konspirator di kalangan polis yang bekerja semata-mata untuk menenangkan Dr Mahathir secara tipu helah, cara penekanan, cara menderitakan rakyat

jelata.

"Sebab itu, mereka tangkap, seksa, bawa mahkamah, jangan bagi jumpa peguam, kemudian polis pula bawa peguam sendiri, suruh peguam itu jumpa kedua-dua tertuduh dan mengaku salah dan di mahkamah sendiri tidak dibenar jumpa keluarga.

"Percayalah setiap dua hari sekali, ada orang yang akan ditangkap dan dihadap ke mahkamah mengikut gaya begini, ini `style' Gestapo ala-Mahathir," katanya.

Beliau juga mengecam Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor yang membuat beberapa kenyataan bersifat berat sebelah dan tidak profesional.

"Saya nasihatkan Ketua Polis Negara supaya jalankan tugas dengan bijak, profesional, bebas dan jangan merosakkan imej pasukan keselamatan," katanya.

(END)